



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD**  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

**SESI "TOWN HALL" DIALOG BAJET MBSP 2025**  
**BERSAMA AHLI MAJLIS**

## TARIKH / MASA / TEMPAT

**13 MEI 2024 (ISNIN)**  
**8.30 PAGI**

**THE LIGHT HOTEL**  
**SEBERANG JAYA**  
**SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**YB Tuan H'ng Mooi Lye**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan  
Perancangan Bandar & Desa

**YBhg. Dato Azhar Bin Haji Arshad**

Datuk Bandar Seberang Perai

**Yang Dihormati**

**En Bernard Cheen Goon Hoi**

**En Zainuddin Bin Mohamed**

**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**

Ketua Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada hari ini untuk berkumpul dalam **Sesi "Town Hall" Dialog Bajet MBSP 2025 bersama Ahli Majlis** di The Light Hotel, Seberang Jaya.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir merasmikan Majlis ini pada pagi yang berbahagia ini.
3. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis: Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; dan para hadirin sekalian yang hadir untuk menjayakan program ini.

4. Penghargaan juga kepada urusetia penganjuran program pada pagi ini yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar.
  
5. Mentadbir sebuah organisasi Pihak Berkuasa Tempatan adalah sama seperti mentadbir satu badan korporat. MBSP perlu berbelanja secara berhemah, efektif dan efisien. Bagi tahun 2024, MBSP telah mengambil pendekatan penyediaan bajet berasaskan keutamaan atau *priority-based budgeting* untuk menambahbaik perkhidmatan MBSP. Untuk penyediaan Bajet 2025 pula, MBSP akan meneruskan pendekatan tersebut dan akan menambahbaik perkhidmatan MBSP untuk keselesaan rakyat Seberang Perai. Perancangan kewangan untuk tahun 2025 juga memberi tumpuan kepada pengurangan kos pengurusan, dan meningkatkan hasil melalui daya inovasi dan kreativiti, di samping meningkatkan lagi kecemerlangan perkhidmatan kepada rakyat Seberang Perai.
  
6. Cabaran utama dalam pengurusan kewangan MBSP adalah bagaimana menguruskan sumber yang terhad berbanding keperluan dan permintaan rakyat Seberang Perai (*limited resources with unlimited needs and wants*). MBSP perlu menghadapi peningkatan kos pengurusan seperti kenaikan gaji yang telah diumumkan oleh

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kenaikan SST daripada 6% kepada 8%, kenaikan harga barangan dan bekalan, serta harga diesel yang mungkin akan mengalami kenaikan pada tahun ini. Oleh yang demikian, kerjasama daripada pelbagai pihak seperti agensi bukan kerajaan (NGO), MPKK, JPWK dan komuniti juga amatlah diperlukan bagi menggembeng tenaga agar Seberang Perai menjadi lebih bersih, hijau dan selamat untuk didiami oleh rakyat Seberang Perai.

7. Pada 1 hingga 31 Mac 2024 yang lalu, MBSP telah membuat soal selidik input Bajet Tahun 2025 daripada “*stakeholders*”. Jumlah responden adalah sebanyak 2,798 orang. Input-input bajet yang diperolehi daripada “*stakeholders*” telah dianalisa dan akan dibincangkan oleh pengurusan MBSP untuk penyediaan Bajet 2025.
8. Input Bajet 2025 oleh Ahli-Ahli Majlis telah dilaksanakan dari 01 April hingga 30 April 2024. Sebanyak 83 cadangan telah diperolehi daripada Ahli-Ahli Majlis.
9. Hari ini, Ahli-Ahli Majlis dan kumpulan pengurusan MBSP akan membincangkan input bajet tersebut untuk dimasukkan di dalam perancangan Bajet dan *Corporate Priorities* MBSP bagi tahun 2025.

10. Sebagai Datuk Bandar MBSP, besarlah harapan saya agar Tuan-Tuan dan Puan-Puan dalam Sesi "*Town Hall*" Dialog Bajet MBSP 2025 ini dapat bersama-sama merangka perancangan dan pelan tindakan bagi melaksanakan input bajet yang akan dibincangkan sebentar lagi.
11. Saya juga berharap agar peluang ini dimanfaatkan sebaik mungkin dengan memberikan idea-idea dan cadangan-cadangan yang praktikal untuk dilaksanakan supaya Seberang Perai menjadi sebuah kawasan bandaraya yang dinamik, kondusif dan progresif pada masa kini dan terus cemerlang di masa hadapan.
12. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye kerana sudi hadir ke Sesi Town Hall Dialog Bajet MBSP 2025. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP yang hadir dan memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program pada hari ini.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***